



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**03 Februari 2024
22 Rejab 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	•
Sinar Harian	• Maritim buru pencuri benih kerang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	20	3.2.2024

Maritim buru pencuri benih kerang

Kawasan pembiakan benih semula jadi di tiga perairan jadi tumpuan sindiket

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KLANG

Sindiket curi benih kerang bakal menerima padah susulan tindakan lebih agresif dan berskala besar yang bakal dilaksanakan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor pada tahun ini.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, tindakan akan dilakukan dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain seperti Jabatan Perikanan Malaysia (DOP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut beliau, modus operandi kegiatan bersindiket dan kumpulan kecil ini tertumpu di kawasan pembiakan benih kerang semula jadi di sekitar perairan Sekinchan, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

"Kawasan ini sesuai untuk kerang membiak berdasarkan kepada faktor tanah dan air iaitu terlindung dari arus, ombak laut serta mempunyai kawasan hutan paya bakau selain bebas ancaman pemangsa.

"Keadaan dasar lautnya yang berlumpur halus dan lembut dengan ketebalan 46 hingga 47 sentimeter (sm) selain tekstur tanah mengandungi 50 hingga

80 peratus liat dan selebihnya kelodak," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, baru-baru ini.

Beliau memberitahu, kegiatan haram itu tidak perlu menggunakan bot besar, sebaliknya hanya bot kecil dengan enjin ekor biawak atau bot rotor sepanjang lima hingga enam meter yang boleh bergerak walaupun dalam lumpur.

"Pada kebiasaannya tangkapan terhadap pencuri benih kerang ini akan dibuat di jalan darat.

"Dalam selalunya terdiri dari warga tempatan yang didapati mengajikan warga asing yang ada kemahiran terutama pakar membawa bot rotor ini," katanya.

Tambah beliau, benih yang siap ditanggung ini akan dibawa ke darat untuk proses pembersihan di lokasi tertentu dan tertutup bagi mengelak daripada dikesan pihak berkuasa.

Katanya, selepas proses pembersihan selesai, benih kerang yang diletakkan di dalam guni ini akan diseludup melalui jalan darat untuk dijual ke pasaran gelap di Thailand.

"Guni ini akan dihantar kepada pembeli dalam tempoh secepat mungkin iaitu sekitar enam hingga tujuh jam sebelum dipindahkan semula ke laut untuk pembiakan, jika lewat benih ini akan mati.

"Saya percaya ada runner yang menunggu untuk ambil benih ini dan harga bagi satu guni seberat 16 hingga 17 kilogram (kg) boleh mencecah RM900," ujarnya.

Abdul Muhaimin turut tidak menolak terdapat penglibatan tong dalam kegiatan ini.

"Apabila kegiatan haram,



Sekumpulan individu ditahan Maritim Selangor selepas dipercayai terlibat mencuri benih kerang, baru-baru ini.

“

Modus operandi kegiatan bersindiket dan kumpulan kecil ini tertumpu di kawasan pembiakan benih kerang semula jadi di sekitar perairan Sekinchan, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.”

— Kepten Maritim Abdul Muhaimin

sudah tentu ada tonto dengan konsep sama iaitu jaga kawasan.

"Jika dikesan ada kehadiran mencurigakan, tonto yang terdiri daripada kalangan warga tempatan ini akan salurkan informasi segera sama ada melalui telefon atau walkie talkie," kata beliau.

Tegasnya, tahun ini isu benih kerang menjadi sasaran Maritim Selangor dalam usaha untuk menyelesaikan kes ini.

"Tahun ini kita bertindak dengan lebih agresif dan kerap kerana banyak aduan penduduk mengenai perkara ini.

"Kegiatan lumayan ini akan sentiasa bergerak satu langkah ke depan. Ini yang kita usaha banteras dua langkah daripada mereka, sekiranya bila mereka tahu kita laksana operasi, mereka akan berhenti, itu satu kejayaan kepada kami," ujarnya.

Berang barang dirampas

Abdul Muhaimin berkata, ada operasi yang dilaksanakan sebelum ini berdepan dengan tindakan pendudukan tempatan yang tidak berpuas hati kerana barang milik mereka dirampas.

"Ada warga tempatan yang datang memarahi kami. Ada



Antara bot kecil dipercayai yang biasa digunakan untuk aktiviti menangkup benih kerang.



Benih kerang yang hendak diseludup ke Thailand dirampas Maritim Selangor di Kuala Selangor, baru-baru ini.

yang datang berkumpul dan sendirian. Harga barang ini tidaklah mahal, tapi mereka tahu hasil daripadanya sangat tinggi," ujarnya.

Jelas beliau, pada tahun lalu ada satu kes direkodkan Maritim Selangor dengan rampasan mencecah RM25,000 membabitkan satu bot fiber, enjin, lapar guni

benih kerang, tongkah, jaring tangkuk dan satu tong minyak petrol.

Di larut diadakan kegiatan menangkup benih kerang ini juga mengakibatkan mentarang dan hidupan lain terjejas," katanya.

Beliau berkata, tindakan ke atas pelaku akan diambil di bawah Akta Perikanan 1985.



Benih kerang yang dirampas di Kuala Selangor.